

Mencapai keharmonian kaum yang sebenar memerlukan lebih daripada usaha pemerintah. Inisiatif yang bermula daripada masyarakat termasuk daripada belia, pertubuhan bukan pemerintah dan lain-lain lagi amat penting dalam menjalin hubungan dan kepercayaan antara mereka daripada berbilang agama dan bangsa. Wartawan **ATTIYAH MOHD SAID** (atiyyahm@sph.com.sg) dan **FARID HAMZAH** (farid@sph.com.sg) melaporkan.

Inisiatif PERERAT

'Mawar' keamanan bagi atasi kebencian



SEBAR MESEJ KEDAMAIAN: Encik Irshad giat menganjurkan acara dan kegiatan di bawah pertubuhannya, Roses of Peace, yang menyebarkan pesan cinta, kedamaian dan keamanan. - Foto BH oleh ALPHONSUS CHERN

APABILA sekumpulan pelajar di universitinya mahu menjalankan bantahan senyap kerana marah terhadap keganasan agama, Encik Abbas Ali Mohamed Irshad sedar betapa pentingnya untuk menyalurkan rasa marah itu kepada sesuatu yang positif.

Lantas, ini mencetuskan idea beliau untuk menubuhkan badan tidak memihak keharmonian agama, pada 2012.

Kumpulan itu akan mengedarkan nota kecil dengan mesej cinta, keamanan dan kebaikan seperti yang disampaikan semua agama yang diikat pada sekuntum bunga mawar kepada orang ramai.

Bermula dengan hanya 100 sukarelawan, kini ROP telah berkembang dengan melibatkan 2,000 sukarelawan dan dalam proses mendapat status Institut Bertaraf Awam (IPC) pada tahun depan.

Pada 2017, Presiden Halimah Yacob telah menjadi penaja ROP.

Semasa di universiti, lulusan Universiti Pengurusan Singapura (SMU) itu juga mengasaskan SMU Apolitical, sebuah pertubuhan politik pelajar untuk menggalak pelajar menjadi lebih aktif dalam arena politik selain memiakan kegiatan Persatuan Islam di SMU.

Menjelaskan lebih lanjut mengenai usaha yang dilakukan sejauh ini, Encik Irshad, 30 tahun, berkata:

"Penubuhan ROP sebenarnya adalah respons untuk menangani rasa kebencian dengan keamanan dan keharmonian.

"Semasa saya membentuk ROP pada masa itu, saya melihat perlunya untuk mengubah dan menyalurkan rasa marah dalam kalangan pelajar menyusul beberapa kejadian global yang mengkritik Islam, agar menghasilkan sesuatu yang membina dan positif.

"Singapura adalah negara yang kecil dan akan mudah terjejas jika ada keganasan atau kebencian di kalangan agama.

"Kita dapat melihat bahawa banyak negara

Pengasas Roses of Peace mahu jadi suara membina dan positif; kekal relevan bagi golongan belia

mengalami masalah keharmonian agama atau konflik agama, jadi saya berharap dan berdoa kita tidak sampai ke tahap berlakunya keganasan.

ROP telah melalui banyak perubahan berdasarkan permintaan dan perubahan sikap dalam masyarakat - daripada menganjurkan kegiatan yang hanya sekali setahun kepada sekurang-kurangnya 15 berbilang acara termasuk perisandingan setahun, kata Encik Irshad, yang juga merupakan Anggota Parlimen Dilitik (NMP).

"Pada awalnya, kami lebih tertumpu kepada kegiatan pemberian nota dan bunga ros bagi menyebarkan pesan keamanan dan kedamaian di beberapa lokasi sahaja.

"Namun, lama-kelamaan, kami sedar betapa pentingnya untuk meningkatkan kesan dan mendekati masyarakat di kawasan kejiranan juga.

"Justeru kini kami bekerjasama dengan contohnya, sekolah-sekolah, kawasan undi dan badan keagamaan lain," terangnya.

"Ini sekali gus menjadikan pertubuhan itu terus relevan hingga ke hari ini, dengan tahap kesedaran yang lebih tinggi mengenai keharmonian agama, kata Encik Irshad.

"Lebih ramai yang mahu tahu cara menanganinya situasi berkaitan dengan ketegangan atau konflik agama dan mereka mahukan saluran untuk mengetahui lebih lanjut tentang hal ini.

"Misalnya, kami mendapat pertanyaan dari orang ramai untuk menyertai acara kami dan minat daripada badan lain untuk bekerjasama.

"Kita juga perhatikan saban tahun semakin banyak konflik atau ketegangan agama berlaku di serata dunia, dan kami mahu memainkan peranan positif," jelas beliau.

Pada masa yang sama, Encik Irshad sedar perlunya untuk kekal relevan bagi golongan belia.

Lantaran itu, beliau merancang memanfaatkan lebih banyak teknologi dan lebih aktif dalam media sosial.

"Tumpuan kami juga kini adalah untuk membina keupayaan sukarelawan kami, pendidikan, kepimpinan dan menerapkan penggunaan teknologi demi kebaikan.

"Sejauh ini kami telah menjalankan latihan khususnya dalam teknologi dan media sosial bagi sukarelawan kami.

"Contohnya, kami bekerjasama dengan Facebook dan Google untuk melatih mereka bagaimana untuk menggunakan sumber yang ditawarkan oleh dua syarikat itu bagi menyebarkan mesej kami atau mendekati lebih ramai masyarakat," terang beliau.

Apabila ditanya tentang cabaran dihadapi dulu dan sekarang, Encik Irshad berkata bukan mudah untuk menarik orang daripada semua lapisan masyarakat tampil ke depan dan memberi sumbangan.

Menurutnya, lazimnya kumpulan orang yang sama akan sentiasa menyertai acara mereka.

"Majoriti masyarakat sebenarnya mengambil ringan isu keharmonian agama, dan tidak pernah terfikir untuk memainkan peranan aktif dalam menggalakan atau mengukuhkannya.


"Tetapi kita harus sedar bahawa apa sahaja yang berlaku di luar Singapura boleh menjejaskan kita.

"Walaupun keadaan sekarang lebih baik daripada dahulu, dengan lebih ramai yang mahu tampil ke depan untuk membincangkan tentang agama dan kaum, namun masih banyak yang boleh dilakukan," tambahnya.

Berdasarkan maklum balas yang diterima, kami mendapat tahu bahawa terdapat sesetengah peserta yang kendalian sendiri kursus-kursus kecil yang turut berminat memperkukuh keharmonian kaum. Kami diberitahu mereka dapat inspirasi selepas menyertai kegiatan dan program anjuran MYF. Itu yang mendorong kami untuk meneruskan apa yang menjadi sasaran kami selama ini - membantu membimbing para belia untuk menjadi masyarakat yang saling menghormati tidak kira apa jua bangsa atau agama.

- Pengasas bersama dan CEO MYF, Ustaz Zahid Zin.

Bimbing masyarakat



Pengasas bersama Forum Belia Islam gembira lihat belia dapat inspirasi sebar mesej keharmonian selepas ikuti program kendaliannya

MEMULAKAN amalan baik selepas mendapat inspirasi menerusi kursus bimbingan Forum Belia Islam (MYF).

Ini tercapai apabila para peserta MYF menyusi bagi menganjurkan program yang membawa mesej seperti keharmonian kaum dan agama.

Itulah yang menjadi harapan pertubuhan itu yang menganjurkan pelbagai acara mendekati anak muda sejak ia ditubuhkan pada 2016.

Pengasas bersama yang juga Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) MYF, Ustaz Muhammad Zahid Mohd Zin, 35 tahun, berkata banyak perancangan yang diadakan semasa kursus-kursus tersebut berlangsung.

"Berdasarkan maklum balas yang diterima, kami mendapat tahu bahawa terdapat sesetengah peserta yang kendalian sendiri kursus-kursus kecil yang turut berminat memperkukuh keharmonian kaum.

"Kami diberitahu mereka dapat inspirasi selepas menyertai kegiatan dan program anjuran MYF.

"Itu yang mendorong kami untuk meneruskan apa yang menjadi sasaran kami selama ini - membantu membimbing para belia untuk menjadi masyarakat yang saling menghormati tidak kira apa jua bangsa atau agama," katanya semasa dihubungi wartawan.

Beliau anggarakan MYF telah mendekati lebih 50,000 belia Singapura untuk berkongsi idea dan menyelesaikan isu-isu berkaitan belia.

Setiap minggu, katanya, MYF mendekati sekitar 300 hingga 400 belia menerusi kelas-kelas bimbingan mereka.

Namun para belia hari ini, tambah beliau, tidak suka dikaitkan dengan mana-mana pihak.

Sebaliknya mereka berusaha "membina" sendiri jenama mereka.

Sebab itulah ramai yang memilih menubuhkan sendiri program mereka - dan sesetengah mereka hasil daripada program serta inisiatif MYF yang mereka sertai.

"Sebagai perkumpulan belia yang banyak melabur waktu untuk mendekati masyarakat muda di dalam talian, kami mengambil peluang untuk memanfaatkan teknologi media bagi menyebarkan mesej inklusif untuk keamanan dan keharmonian.

"Kami tiada kayu ukur untuk memastikan apa yang kami lakukan membawa kepada kejayaan, tapi kesannya nampak berdasarkan program-program kecil yang dijalankan para peserta kami sendiri," tambahnya.

Motivasi saya ialah untuk mencari jalan di mana masyarakat beragama dapat mendalami isu-isu keagamaan dan menyelesaikan masalah sosial bersama. Saya berpendapat agama dapat memainkan peranan penting dalam sumbangannya terhadap perkembangan masyarakat, negara dan kemanusiaan secara umum. Agama dapat menjadi kuasa yang positif jika penganutnya memiliki wawasan untuk meluaskan ruang awam yang dikongsi, seperti mencari nilai moral bersama seperti kedamaian dan keadilan.

- Encik Mohamed Imran, pengasas Pusat bagi Pemahaman Antara Agama (CIFU).

“Penubuhan ROP sebenarnya adalah respons untuk menangani rasa kebencian dengan keamanan dan keharmonian... Singapura adalah negara yang kecil dan akan mudah terjejas jika ada keganasan atau kebencian di kalangan agama. Kita dapat melihat bahawa banyak negara mengalami masalah keharmonian agama atau konflik agama, jadi saya berharap dan berdoa kita tidak sampai ke tahap berlakunya keganasan.

- Encik Abbas Ali Mohamed Irshad, pengasas Roses of Peace.

IKATAN masyarakat

belia jadi saling hormati



JADI MENTOR: Ustaz Zahid (kiri) bersama rakan pengasas MYF, Encik Mohamed Shah Reza (kanan) melahirkan keyakinan bahawa pengaruh positif merupakan tugas kolektif bersama masyarakat, dan MYF hanya perkumpulan muda yang baru, dan hanya meneruskan usaha yang telah dilakukan oleh badan sedia ada. - Foto-Foto BM oleh MARCELLIN LOPEZ

Perdana Menteri, Encik Lee Hsien Loong, telah menyebut Ustaz Zahid di Rapat Hari Kebangsaan pada 18 Ogos lalu sebagai contoh asalizah yang memainkan peranan memupuk masyarakat Islam Singapura yang progresif.

Ditanya sekiranya pergolakan yang berlaku di luar negara banyak mempengaruhi anak muda setempat, Ustaz Zahid menjawab:

"Sudah tentu... kerana itu kita harus mencari jalan sesuai untuk menguruskan jangkaan mereka.

"Banyak pengajaran yang boleh diambil tetapi cabarannya adalah bagaimana hendak menyampaikan pengajaran tersebut supaya mereka berfikir dan mengambil keputusan yang wajar," jelas beliau.

Rakannya yang juga pengasas bersama dan Pengarah Urusan MYFSG LLP, Encik Mohamed Shah Reza Mohamed Ameer, 30 tahun, pula berkata pihaknya hanya ingin menjadi mentor kepada para peserta belia yang sertain program mereka.

Dianggarkan para belia yang sertain program-program mereka berusia semula 13 tahun hingga ada yang mencecah lewat 30-an tahun.

"Mudah-mudahan apa yang kami lakukan sejauh ini berkekalan apatah lagi dalam suasana ekonomi hari ini yang penuh persaingan dan berbeza.

"Maka untuk jangka masa panjang, kami harap untuk terus dekati para belia dan menjadi relevan kepada isu-isu yang dihadapi golongan ini - pada masa kini dan masa akan datang," jelasnya.

Pada masa ini, MYF mempunyai seramai tiga kakitangan sepenuh masa dan pihaknya sedang merancang untuk meluaskan khidmat mereka pada masa terdekat.


Bagi mengkalikan pengrusaannya, pertubuhan itu mendapat dana menerusi beberapa khidmat perniagaan seperti pengurusan acara, dan khidmat desain.

Pertubuhan itu turut mengemblem tenaga belia dalam pelbagai kerja kemasyarakatan.

Sempena Hari Kebangsaan baru-baru ini, MYF menganjurkan acara 'Thank You, Bhaiya' yang memberi makan kepada 1,000 pekerja asing di Masjid Al-Firdaus di Choa Chu Kang.

Pada hujung tahun ini, MYF juga merancang untuk mengadakan satu lagi acara amal besar-besaran melibatkan orang ramai daripada berlainan kaum dan bangsa untuk menyertai acara kebajikan.

Inilah keamikan masyarakat Islam di Singapura yang hidup dalam kerencaman, tambah Ustaz Zahid.



Saya boleh katakan bahawa keharmonian agama merupakan sebahagian daripada doktrin masyarakat Buddha. Saya sendiri telah membuat penyelidikan dalam kitab-kitab suci Buddha yang menyebut tentang keharmonian agama.

- Venerable Phra Goh Chun Kiang, 34 tahun (gambar kiri), yang juga menggotai Pertubuhan Antara Agama (IRO) Belia dan penasihat agama kepada Persatuan Buddha di salah sebuah politeknik setempat.

Rendah diri dan terbuka menerima perbezaan



CARI PERSEFHAMAN: Bagi pengasas Pusat bagi Pemahaman Antara Agama (CIFU), Encik Mohamed Imran, dialog antara agama adalah penting bagi memahami agama lain dengan lebih mendalam agar ada persefahaman dan 'kita boleh hidup dengan damai'.

RENDAH diri dan terbuka kepada pandangan orang lain.

Dua nilai ini menjadi pegangan teguh Encik Mohamed Imran Mohamed Taib selama beliau berkecimpung dalam usaha-usaha keharmonian agama selama lebih dua dekad.

Encik Mohamed Imran, 42 tahun, telah mengasaskan Leftwrite Center (LWC) pada 2008, yang bertapak sebagai wadah penerbitan bagi isu sosio-agama dan kemudian lebih menjurus kepada isu berbilang kaum dan peranan agama.

Bagi melanjutkan usahanya dalam keharmonian agama, beliau meninggalkan tugas sepenuh masa sebagai Pengurus Pusat Harmoni dan membukakan inisiatif baru, Pusat bagi Pemahaman Antara Agama (CIFU), awal tahun ini.

CIFU, yang diharapkan memainkan peranan sebagai kumpulan pemikir dalam hal silang agama, menganjurkan berbagai program antara agama serta menjalankan kejinan.

Misalnya, ia bekerjasama dengan beberapa pihak termasuk Sekolah Pengajian Antarabangsa S. Rajaratnam (RSIS) dan Lembaga Endowment Hindu bagi menganjurkan ceramah oleh tokoh silang agama, Profesor Francis Clooney dari Universiti Harvard.

Menjelaskan tentang titik permulaannya dalam usaha memperjuangkan keharmonian agama, Encik Mohamed Imran berkata beliau mula aktif dalam bidang itu sejak remaja.

"Waktu itu, saya bergiat di Persatuan Darul Arqam dan ketika menjadi Naib Presiden jabatan dakwah persatuan tersebut, saya telah menggerakkan dialog tentang Islam dan Buddha dengan kerjasama sebuah pertubuhan agama Buddha.

Pengasas CIFU harap dapat main peranan sebagai kumpulan pemikir dalam hal silang agama, anjur berbagai program antara agama

"Motivasi saya ialah untuk mencari jalan di mana masyarakat beragama dapat mendalami isu-isu keagamaan dan menyelesaikan masalah sosial bersama.

"Saya berpendapat agama dapat memainkan peranan penting dalam sumbangannya terhadap perkembangan masyarakat, negara dan kemanusiaan secara umum.

"Agama dapat menjadi kuasa yang positif jika penganutnya memiliki wawasan untuk meluaskan ruang awam yang dikongsi, seperti mencari nilai moral bersama seperti kedamaian dan keadilan," ujar beliau.

Justeru, aspek progresif inilah yang mahu dikembangkan Encik Mohamed Imran melalui dialog antara agama yang dianjurkan.

Sepanjang menjalankan usahanya, bapa empat anak itu berpegang pada dua nilai penting.

"Sentiasa rendah diri - mengakui kita tidak selalu benar dan orang lain tidak selalu

salah - dan keterbukaan, bermakna kita harus berani mendengar pendapat yang berbeza.

"Tanpa dua aspek ini, dialog sukar dilakukan kerana masing-masing hanya mahu memenangkan pendapat sendiri dan tidak dapat belajar daripada satu sama lain," terangnya.

Encik Mohamed Imran berketegangan satu cabaran utama yang dihadapi adalah meyakinkan orang ramai tentang perlunya mengadakan dialog antara agama.

"Pada masa itu, perbincangan antara agama lebih merupakan perdebatan dengan ada yang mahu merendahkan agama lain.

"Ini berbahaya dalam konteks masyarakat berbilang agama di Singapura. Jadi, saya terpaksa meyakinkan orang ramai bahawa ini bukanlah tujuan dialog antara agama.

"Tujuannya ialah memahami agama lain dengan lebih mendalam agar ada persefahaman dan kita boleh hidup dengan damai," jelasnya.

Menurutnya, keharmonian agama yang wujud di Singapura hari ini adalah hasil usaha pemerintah dan kerjasama dengan badan agama.

Tetapi inisiatif di peringkat akar umbi perlu dipergiatkan dan diberi sokongan, sarannya.

Mengenai harapannya dalam usaha perkukuhkan hubungan silang agama Encik Mohamed Imran berharap lebih banyak perbincangan yang menyentiasa isu lebih mendalam dianjurkan.

"Bagi saya, hasil dialog antara agama bukanlah sekadar mencari persamaan di dalam kemanusiaan tetapi lebih penting lagi, mencari jalan untuk menerima perbezaan yang tidak mungkin dapat diselesaikan," tambahnya.